

BAB I - PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Dua puluh tahun terakhir alat lalu telah memperlihatkan peradaban dunia begitu tercabar dengan isu yang pelbagai. Isu hak asasi manusia telah menjadi antara isu utama dan penting yang mencabar peradaban manusia selain krisis kekeluargaan, hubungan jantina, alam sekitar, kemiskinan global, politik dan kuasa, senjata nuklear dan perperangan, masalah etnik, kaum dan ras, ilmu, pendidikan dan pembentukan karakter, kesihatan dan perubatan, budaya dan hiburan, agama dan nilai moral serta cabaran globalisasi. Samuel Huntington mempertegaskan bahawa krisis hak asasi manusia ini merupakan salah satu cabaran terbesar dalam peradaban manusia masa kini¹.

Hak asasi manusia menurut definisi Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English adalah hak-hak yang pada umumnya perlu dinikmati setiap manusia seperti hak kebebasan, keadilan dan sebagainya². Dalam konteks hak asasi manusia, krisis yang wujud meliputi persoalan hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Di seluruh dunia, baik di negara maju maupun di negara membangun dan negara miskin, isu hak asasi manusia terus menjadi persoalan terpenting kerana rakyat terus dihimpit oleh tekanan penafian hak, ketidakadilan, manipulasi ekonomi, penindasan dan tipu daya pihak-pihak tertentu terutama pemerintah dan kapitalis ekonomi. Persoalan hak-hak sivil, politik, ekonomi,

sosial dan budaya ini telah mula diperbincang dan dibahaskan semenjak berlakunya Revolusi Perancis pada 1789 melalui Deklarasi Perancis tentang hak seorang manusia dan hak seorang warganegara.

Ali Shariati sendiri mempunyai pandangan yang kritis tentang masalah untuk menghidupkan semula peradaban, kebudayaan, warisan dan identiti kebangsaan daripada penguasaan imperialis yang memerlukan revolusi nasional dan sosial³. Beliau berpandangan bahawa semua bentuk penindasan, penafian hak, kemiskinan dan kapitalisme hanya boleh diatasi dengan memodenkan ekonomi dan mewujudkan satu masyarakat yang adil, dinamik dan tanpa kelas⁴. Menurut Shariati juga, penindasan ke atas rakyat bawahan adalah berpunca daripada tipu muslihat dan manipulasi yang menjadi sifat utama oportunitisme kebendaan⁵. Ketika menghadapi kuasa ekonomi, ancaman paksaan akan berganding dengan penindasan ekonomi dan kejahilan yang dilahirkan dalam pemikiran tertutup rakyat jelata akan menjadi sekutu kepada pemerintahan kuku besi yang akhirnya mewujudkan penafian terhadap hak-hak rakyat.

Kini hampir setiap manusia baik di negara maju maupun di negara membangun, sama ada yang tinggal di bandar atau pun yang tinggal di luar bandar dan pedalaman, telah terdedah kepada krisis hak asasi yang sangat membimbangkan berbanding peradaban tradisi⁶ yang tidak begitu menonjolkan penafian terhadap hak-hak asasi manusia. Krisis hak asasi ini adalah berlaku seiring dengan perkembangan politik, sistem kenegaraan dan hubungan antarabangsa yang

semakin kompleks, rencam dan sukar ditelah. Perkembangan pesat peradaban manusia telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sistem politik yang pelbagai dan seterusnya melahirkan para pemimpin yang rakus, berkepentingan dan bersitat kuku besi. Hampir keseluruhan sistem politik yang diamalkan di dunia hari ini sudah tidak lagi menepati sistem kenegaraan masyarakat madani yang digarisbawahi oleh Ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah* yang meletakan perpaduan (solidariti), keamanan, kebenaran, keadilan dan ketaatan kepada Tuhan sebagai asas kepada pembinaan masyarakat madani⁷.

Walaupun sistem politik pelbagai yang dipraktiskan hari ini telah membawa pembangunan dan kemajuan fizikal yang sangat pesat dan membanggakan, namun ternyata kemajuan fizikal ini tidak membantu melahirkan manusia yang mampu untuk membina nilai-nilai kemanusiaan sehingga wujudnya krisis hak asasi manusia yang akhirnya merencatkan pertumbuhan peradaban. Pembangunan dan kemajuan yang dibina kononnya atas nama kemajuan dan kepentingan peradaban sejagat telah membuka ruang kepada pemimpin dan diktator bagi menggunakan kekuasaan yang dimiliki untuk membunuh sifat-sifat kemanusiaan dan nilai-nilai kehidupan. Allah swt. mengingatkan dalam firman-Nya yang bermaksud :

Telah timbul kerusakan di darat dan di lautan disebabkan oleh
perbuatan tangan manusia sehingga Allah merasakan kepada

mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.⁸

Hakikatnya, masalah hak asasi manusia telah wujud sejak bermulanya sejarah peradaban dan kemanusiaan. Bezanya antara dahulu dan sekarang hanyalah dari segi tahap penafian hak dan juga bentuk-bentuk penafian serta penindasan yang dilakukan. Hanya pada penghujung abad ke-18, isu hak asasi manusia mula dibincangkan secara terbuka dan terperinci. Akhirnya pada 1948, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memberikan garis panduan antarabangsa untuk melindungi hak-hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya sebagaimana sepatutnya dinikmati oleh seluruh manusia⁹. Namun pengisytiharan antarabangsa ini tidak bererti ia telah menghentikan penindasan dan penafian hak-hak asasi tersebut kerana di seluruh dunia terutamanya, para pemimpin masih bersandiwara dengan kepentingan asasi rakyat ini.

1.1 PERSOALAN KAJIAN

Hak asasi manusia mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan perkembangan peradaban manusia. Manusia sebagai elemen asas dan terpenting dalam pembinaan peradaban sememangnya sangat memerlukan keadilan, kesaksamaan dan perlindungan terhadap hak-hak mereka dalam menggerakan pembinaan peradaban. Semua agama yang dianuti oleh manusia juga telah memberikan hak-hak asasi ini kepada penganut-penganutnya untuk membolehkan

mereka membangunkan diri dan masyarakat mereka mengikut lunas-lunas dan nilai-nilai kemanusiaan yang sejati. Peradaban yang meminggirkan pembangunan kemanusiaan terutama hak-hak asasi adalah peradaban songsang dan menghalau kepada kehancuran.

Namun begitu di sebalik kesedaran yang tinggi di kalangan manusia terutama para pejuang hak-hak asasi yang bergerak di dalam organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk memperjuangkan hak rakyat, sebenarnya manusia masih lagi dihimpit oleh kesempitan hidup akibat penafian hak-hak asasi yang dilakukan oleh golongan pemerintah. Undang-undang yang melanggar prinsip keadilan sengaja digubal dan dilaksanakan untuk menyekat dan menghalang gerakan rakyat daripada membebaskan diri mereka daripada cengkaman pemerintah. Bukan hanya di negara membangun rakyat dihalang daripada memiliki kebebasan bersuara, berhimpun secara aman, berpersatuhan, menyatakan kebenaran dan menuntut keadilan, tetapi di negara maju juga rakyat dibiarkan merempat kemiskinan, tidak mempunyai kediaman, tidak mempunyai pendidikan dan terbelenggu dengan masalah kesihatan.

Krisis yang tragis ini amat penting untuk diamati oleh seluruh masyarakat antarabangsa terutama badan-badan dunia dan serantau seperti PBB, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), Kesatuan Eropah (EU), Kumpulan 8 (G8), Kumpulan 15 (G15), Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM), Pergerakan Negara-negara Berkecuali

(NAM). Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan sebagainya. Kehidupan dan kemanusian akan menjadi sangat tidak bererti sekiranya di seluruh dunia para pemimpin terlalu aktif dan sibuk membincangkan soal pembangunan ekonomi, teknologi, maklumat, senjata, ketenteraan dan penerokaan angkasa raya tetapi membiarkan rakyat tidak mendapat hak yang adil untuk menikmati kehidupan yang sebenar.

Bagaimanakah masyarakat boleh bekerja untuk membangunkan ekonomi, teknologi, ketenteraan dan sebagainya jika mereka hidup miskin, mlarat, tidak mempunyai tempat tinggal, tidak mampu untuk mengakses kesihatan, disekat daripada bersuara, tidak boleh berpersatuhan, tidak bebas mengamalkan ajaran agama, tidak mempunyai keluarga yang bahagia, jahil dan tidak berpendidikan serta mungkin juga dinafikan hak untuk hidup lebih lama di muka bumi ini. Jika tidak ada usaha untuk menangani krisis ini, bermakna manusia sedang membiarkan peradaban ini menghala kepada kehancuran.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kupasan persoalan kajian telah memperlihatkan hubung kait yang sangat rapat antara peradaban dan hak asasi manusia hari ini. Sudah tentu krisis yang sebegini besar dan parah akan menjadi cabaran yang besar juga kepada pembinaan peradaban kontemporari dan akan datang. Beberapa objektif telah digariskan terhadap kajian ini. Objektif-objektif tersebut ialah :

- a Meninjau krisis-krisis hak asasi yang berlaku di seluruh dunia pada masa kini.
- b Menentukan hubung kait antara peradaban manusia dengan hak asasi manusia sebagai elemennya.
- c Melihat pandangan pelbagai peradaban termasuk Islam, Barat dan Timur terhadap kepentingan hak asasi dalam pembinaan peradaban, dan.
- d Mengenal pasti bagaimana krisis-krisis ini akan melahirkan cabaran yang hebat kepada peradaban kontemporari

1.3 SKOP KAJIAN

- a Mengkaji sejarah dan kedudukan hak asasi manusia dalam kerangka pelbagai peradaban manusia

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada persoalan peradaban yang bertitik tolak kepada bidang pengajian peradaban. Krisis hak asasi manusia dilihat dari satu sudut dalam konteks ilmu peradaban. Selain menentukan hubungan antara hak asasi manusia dengan peradaban, sejarah panjang krisis ini sehingga membawa kepada wujudnya pengisytiharan antarabangsa mengenai hak asasi manusia pada 1948 akan dibincangkan. Ia juga mengemuka pandangan peradaban-peradaban besar dunia seperti peradaban Islam, Barat dan Timur

tentang hak asasi manusia sebagai sebahagian daripada kerangka asas peradaban manusia

b. Krisis-krisis hak asasi manusia kontemporari

Dalam kajian ini penulis akan membawakan pelbagai krisis hak asasi manusia yang melanda seluruh dunia dalam semua peradaban. Krisis ini meliputi persoalan hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Ia juga akan mengenengahkan bagaimana wujudnya perbezaan pandangan terhadap pengertian hak asasi yang berlaku di antara negara-negara maju (Barat) dan negara-negara membangun serta pandangan Islam yang menyeluruh tentang hak asasi manusia.

c. Pembuktian bahawa krisis hak asasi manusia sedang mencabar peradaban manusia semasa

Penulis akan mengemukakan analisa terperinci untuk membuktikan bahawa krisis hak asasi manusia yang melanda dunia hari ini sebenarnya sedang mencabar peradaban. Kajian ini akan meninjau ciri-ciri kemanusiaan seperti kebebasan, keadilan dan keamanan yang telah diragut dalam peradaban hari ini sehingga menjadikan tindakan tersebut sebagai satu cabaran kepada peradaban.

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini mengandungi beberapa peringkat. Tindakan ini dilakukan untuk mempastikan kajian yang dijalankan dapat dihasilkan dengan baik. Peringkat-peringkat kajian adalah seperti berikut :-

a. Peringkat memahami bidang kajian

Pada peringkat awal ini penulis mempastikan kajian yang dibuat mestilah dalam ruang lingkup pengajian ilmu peradaban. Penulis juga telah mengenal pasti pengertian hak asasi daripada beberapa perspektif lain seperti undang-undang, falsafah, sejarah dan sains politik. Dalam konteks undang-undang hak asasi manusia dilihat berdasarkan apa yang diperuntukan oleh undang-undang, sedangkan dari aspek falsafah pula mereka melihat hak asasi dari sudut apa yang sepatutnya manusia nikmati atas dasar mereka sebagai manusia. Manakala sejarah pula hanya mengemukakan secara kronologi tentang isu-isu hak asasi manusia sepanjang sejarah kemanusiaan dan sains politik pula meninjau sekatan-sekatan dan kebebasan-kebebasan yang sepatutnya dimiliki oleh manusia sebagai haiwan politik dalam masyarakat yang berstruktur. Ini berbeza dengan pengajian peradaban yang melihat hak asasi sebagai isu kemanusiaan dalam sebuah masyarakat yang beradab. Hasilnya, penulis cuba membawa kajian tentang krisis hak asasi manusia yang menjadi isu peradaban manusia. Kajian ini memfokuskan kepada memahami falsafah hak asasi manusia dalam peradaban yang pelbagai.

memahami sejarah krisis hak asasi manusia, mengenal pasti krisis-krisis hak asasi kontemporari dan bagaimana krisis ini mengancam peradaban manusia.

b. Peringkat pengumpulan maklumat

Terdapat tiga kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan dalam kajian ini iaitu -

i. Kaedah penyelidikan perpustakaan

Maklumat-maklumat mengenai bidang kajian yang telah dikenal pasti ini dibuat daripada pendekatan kajian perpustakaan. Beberapa buah perpustakaan telah digunakan untuk menjalankan semakan bibliografi melalui pengkalan data berkomputer iaitu di Perpustakaan Utama Universiti Malaya; Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya; Perpustakaan Negara; Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bahan-bahan ini seterusnya diklasifikasikan kepada bahagian-bahagian berikut iaitu buku, jurnal, kertas kerja, tesis atau disertasi, risalah, majalah dan surat khabar. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut penulis juga menggunakan sepenuhnya kemudahan teknologi maklumat. Beberapa laman web gerakan hak asasi manusia seperti UN High Commissioner for Human Rights.

International Amnesty, International Bar Association, Center for Independent Journalism, Bar Council dan beberapa lagi turut ditinjau untuk mendapatkan bahan dan maklumat.

ii Kaedah wawancara

Selain itu juga penulis telah mendapatkan maklumat dengan mengadakan pertemuan bersemuka dengan beberapa pemimpin NGO yang memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia. NGO-NGO yang akan terlibat dalam kajian ini termasuklah parti politik, NGO hak asasi manusia, NGO wanita, NGO pengguna dan sebagainya. Penulis juga akan menemuramah pemimpin-pemimpin politik dan NGO yang aktif memperjuangkan isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Melalui kaedah ini penulis akan mengumpulkan data-data hak asasi seluruh dunia kerana sebahagian besar NGO di Malaysia terlibat dalam isu-isu hak asasi di seluruh dunia sama ada melalui penerbitan, penyertaan dalam persidangan ataupun rangkaian gerak kerja mereka.

iii Kaedah kerja lapangan

Selain penyelidikan perpustakaan dan wawancara, penulis juga telah menggunakan kaedah kerja lapangan atau cerapan asosiasi dengan terlibat sama dalam program-program hak asasi manusia yang dianjurkan oleh kerajaan, parti politik, NGO dan sebagainya. Selain menghadiri sidang Dewan Rakyat, penulis

juga turut menyertai program bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), menyertai seminar-seminar hak asasi manusia di peringkat nasional ataupun antarabangsa. Selain itu penulis juga menghadiri majlis mesyuarat agung tahunan beberapa parti yang memperjuangkan keadilan dan hak asasi di Malaysia. Kaedah ini walaupun banyak melibatkan program parti pembangkang dan NGO, tetapi ia dilakukan secara objektif di mana penulis juga mempertimbangkan pandangan-pandangan agensi kerajaan seperti SUHAKAM supaya tidak berlaku berat sebelah dalam kajian ini.

c. Peringkat analisis maklumat

Semua maklumat yang dikumpulkan itu kemudiannya dibahagikan mengikut bab-bab yang telah ditentukan. Secara umumnya ia terbahagi kepada tiga bab utama iaitu falsafah dan sejarah krisis hak asasi manusia dari pelbagai perspektif peradaban, krisis-krisis hak asasi manusia kontemporari dan cabarannya kepada pertumbuhan peradaban manusia. Maklumat-maklumat juga dianalisis secara perbandingan di antara beberapa pandangan dan isu hak asasi mangikut peradaban yang berbeza. Dengan menganalisis ketiga-tiga topik utama ini, barulah penulis menghasilkan kajian yang lebih terperinci dengan bab-bab yang ditetapkan supaya dapat menghuraikan keseluruhan persoalan kajian.

1.5 ULASAN KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan beberapa karya dan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ilmu peradaban dan perkaitannya dengan hak asasi manusia. sejarah hak asasi manusia dan krisis-krisis hak asasi semasa yang membawa kepada cabaran yang serius terhadap masa depan peradaban manusia. Ulasan terhadap kajian lepas ini akan dikemukakan mengikut subtema berikut :-

- a. Hak asasi manusia menurut pelbagai persepektif peradaban.
- b. Isu-isu hak asasi manusia yang berlaku di seluruh dunia; dan.
- c. Perjuangan membela hak asasi manusia di seluruh dunia.

1.5.1 Hak asasi manusia menurut pelbagai perspektif peradaban

Kajian tentang hak asasi manusia mengikut perspektif pelbagai peradaban tidak banyak dibuat oleh para pengkaji, tetapi kajian-kajian secara khusus tentang hak asasi manusia mengikut persepektif tertentu agak banyak dibuat. Al-Maududi (1983¹⁰ dan 2000¹¹), Md Akhir Yaakob (1985)¹², Orwin et.al (1984)¹³, A Rahman I Dor (1992)¹⁴ dan Chandra Muzaffar (1990¹⁴ dan 1995a¹⁶) telah mengemukakan perbincangan tentang hak asasi manusia dari beberapa pandangan peradaban yang berbeza. Al-Maududi (1983) dan Md Akhir Yaakob (1985) telah menggariskan secara terperinci tentang pandangan Islam dalam konteks hak asasi manusia. Al-Maududi (1983) telah menggariskan jaminan-jaminan hak yang disyariatkan oleh

Islam ke atas semua manusia termasuk hak minoriti dan orang bukan Islam. Md Akhir Yaakob (1985) pula membuat kajian secara perbandingan antara perspektif Islam dengan persepektif Barat. Md Akhir Yaakob juga turut menganalisis Piagam Madinah yang dianggap sebagai piagam pertama di dunia tentang hak asasi manusia

Al-Maududi (2000) dan A Rahman I Doi (1992) pula mengungkapkan secara khusus pandangan Islam terhadap hak-hak orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam. Secara umumnya, kedua-dua mereka mengklasifikasikan jenis-jenis orang bukan Islam di negara Islam dan hak-hak mereka termasuk hak terhadap nyawa, hak politik, hak ekonomi, hak mengamalkan agama mereka secara bebas dan hak sama rata dari sudut undang-undang. Chandra Muzaffar (1990) pula memberikan konotasi tentang hak asasi manusia mengikut pandangan peradaban Asia. Chandra Muzaffar (1990) menyifatkan peradaban Asia telah dipengaruhi oleh kefahaman agama dalam menanggapi hak asasi manusia.

Peradaban Asia juga menekankan soal kepentingan masyarakat melebihi kepentingan individu. Chandra Muzaffar (1990) menyentuh tentang persoalan etnik dalam membentuk pemikiran hak asasi manusia di Asia. Orwin et.al (1984) pula menghuraikan tentang asas-asas falsafah hak asasi manusia yang sepatutnya diterima sebagai perspektif yang menyeluruh tentang hak asasi manusia. Chandra Muzaffar (1995a) pula memperincikan tentang perbezaan tanggapan terhadap hak asasi manusia yang berlaku di antara peradaban Barat dan peradaban Asia.

Bahkan Chandra Muzaffar (1995a) menyifatkan perbezaan pandangan ini telah merintis kepada tercetusnya perbalahan yang berterusan antara Asia dan Barat.

1.5.2 Isu-isu hak asasi manusia di seluruh dunia

Pengkajian tentang isu-isu hak asasi manusia yang tercetus di seluruh dunia memang banyak dibuat oleh para sarjana terutama sekali dalam kajian terhadap kes-kes secara khusus dan terperinci. Kajian oleh Szabo (1982¹⁷ dan 1974¹⁸), Paul et al (1992¹⁹), Chandra Muzaffar (1995a²⁰), Shulsky (1984²¹), Newman et al (1982²²), Kartashkin (1982²³) dan Salleh (2001²⁴) telah meninjau pelbagai isu tentang hak asasi manusia yang berlaku di seluruh dunia. Szabo (1982) secara terperinci telah mengemukakan tentang krisis-krisis hak asasi manusia yang berlaku sepanjang sejarah kemanusiaan. Dengan latar belakang sejarah tentang hak asasi manusia ini, Szabo (1982) membangkitkan persoalan kedudukan hak asasi manusia dalam dunia yang diwarnai oleh kemajuan.

Szabo (1974), Paul et al (1992), Newman et al (1982) dan Kartashkin (1982) pula mengkaji persoalan hak asasi manusia dari aspek-aspek hak ekonomi, hak sosial, hak budaya, hak sivil dan hak politik yang berlaku di seluruh dunia. Szabo (1974) misalnya, telah membincangkan krisis hak budaya yang berlaku di seluruh dunia yang dilihat telah mengancam budaya tradisi. Szabo (1974) juga menggariskan hak-hak budaya yang sepatutnya dinikmati oleh setiap insan. Paul et.al (1992) sebaliknya telah menyentuh persoalan pencabulan dan manipulasi ekonomi yang

dilihat sebagai krisis hak ekonomi. Newman et.al (1982) mengemukakan persoalan-persoalan berkaitan hak sivil dan hak politik yang berlaku di seluruh dunia. Manakala Kartashkin (1982) pula membincangkan prinsip, isu dan krisis hak-hak ekonomi, sosial dan budaya yang berlaku.

Shulsky (1984) melebarkan kajiannya tentang persoalan hak asasi manusia yang berlaku akibat daripada sistem politik antarabangsa. Beliau cuba membangkitkan tentang ketidakseimbangan politik dunia yang mengundang kepada pencabulan hak asasi manusia terutama ke atas negara-negara miskin. Kajian Chandra Muzaffar (1995a) telah mengemukakan kes-kes pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di Afghanistan, Bosnia, Palestin, Afrika Selatan dan Algeria. Salleh (2001) pula membuat kajian secara khusus tentang isu umat Islam Palestin yang telah dicabul hak mereka oleh regim Yahudi Israel semenjak 1948.

1.5.3 Perjuangan membela hak asasi manusia di seluruh dunia

Kesedaran tentang hak asasi manusia yang berlaku secara besar-besaran selepas Perang Dunia Kedua telah membuka ruang kepada perjuangan untuk membela hak asasi manusia daripada terus dicabul di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, perjuangan-perjuangan ini tidak banyak mendapat tempat dalam kajian-kajian akademik yang dilakukan di seluruh dunia berbanding dengan kajian tentang isu-isu hak asasi manusia. Kebanyakan sumber yang ada adalah laporan-laporan badan antarabangsa tentang gerakan pembebasan hak asasi manusia ini. United

Nations (1973²⁵, 1978²⁶ dan 1995²⁷) dan Chandra Muzaffar (1991²⁸ dan 1995b²⁹) adalah antara laporan dan kajian yang dibuat tentang perjuangan membela hak asasi manusia daripada pencabulan.

Kajian oleh Chandra Muzaffar (1991) adalah difokuskan kepada gerakan Amnesty Antarabangsa yang berjuang di seluruh dunia untuk membela isu hak asasi manusia. Chandra Muzaffar telah menerangkan bagaimana Amnesty Antarabangsa berperanan dan bergerak untuk maksud tersebut. Chandra Muzaffar (1995b) pula membuat kajian tentang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB. Chandra Muzaffar mengkaji tentang kemunculan suruhanjaya ini, matlamat, fungsi, struktur, rangka kerja dan gerakan-gerakan yang telah dibuat oleh suruhanjaya ini untuk menangani krisis hak asasi manusia yang berlaku di seluruh dunia.

Manalaka United Nations (1973 dan 1978) adalah dokumen-dokumen laporan aktiviti hak asasi manusia yang dilakukan oleh PBB bagi tahun-tahun tersebut. Laporan ini juga telah mengemukakan data-data rekod hak asasi manusia dan isu-isu yang telah ditangani. United Nations (1995) pula menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh PBB dalam tempoh 50 tahun dalam menangani isu-isu hak asasi manusia serta kemanusiaan seperti perperangan, pelarian, kebuluran, kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

1.6 KERANGKA KONSEP

1.6.1 Hak-hak asasi manusia

Manusia pada asalnya adalah mempunyai kebebasan yang mutlak dan sememangnya manusia dilahirkan dalam keadaan bebas dan merdeka. Namun begitu hak-hak dan kebebasan manusia ini telah tercabul selepas beberapa ketika. Menurut Jean-Jacques Rousseau bahawa manusia dilahirkan bebas walaupun di serata dunia manusia terbelenggu oleh penguasa yang zalim³⁰. Menjadi suatu peraturan sosial iaitu sesuatu hak yang mutlak perlu menjadi asas kepada semua hak. Kerana itu beliau berpandangan bahawa manusia mesti berjuang untuk memperoleh semula kebebasan, hak dan keadilan sama dengan kebebasan, hak dan keadilan yang dirampas daripadanya. Bertolak daripada persoalan pencabulan inilah maka timbulnya isu hak asasi manusia.

Islam sebagai sebuah agama universal juga telah mengungkapkan persoalan hak asasi manusia ini. Melalui Piagam Madinah yang digubal oleh Nabi Muhammad saw pada abad ketujuh, Islam telah mengiktiraf hak-hak asasi manusia dengan memberikan jaminan kebebasan diri, keselamatan, kebebasan beragama, persamaan hak dan perlindungan negara. Dalam khutbah Haji Wida' pada tahun kesembilan Hijriyyah, Rasulullah saw telah mengisyiharkan bahawa darah, harta dan kehormatan adalah haram daripada dicerobohi oleh manusia sewenang-wenangnya.

Rasulullah saw. bersabda :

Wahai manusia. sesungguhnya darah kamu. harta kamu dan kehormatan kamu adalah haram ke atas kamu sekalian sehingga kamu menemui Tuhan kamu. seperti mana haramnya hari kamu ini dalam bulan kamu ini dan dalam negeri kamu ini³¹.

Hak asasi manusia menurut definisi Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English adalah hak-hak yang pada umumnya perlu dinikmati setiap manusia seperti hak kebebasan. keadilan dan sebagainya³². Keutuhan kemuliaan dan hak sama rata serta asasi ini bersifat universal dan tidak terpisah bagi seluruh umat manusia berasaskan kebebasan. keadilan dan kedamaian dunia. Deklarasi Antarabangsa tentang Hak Asasi Manusia PBB 1948 telah menegaskan bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan. nilai diri dan hak-hak. Mereka yang mempunyai pemikiran dan perasaan hati hendaklah bertindak antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan. Setiap orang berhak terhadap semua hak dan kebebasan asasi manusia tanpa sebarang perbezaan. seperti warna kulit. bangsa. jantina. bahasa. agama. fahaman politik atau lain-lain ideologi. asal-usul bangsa keturunan atau sosial harta benda. kelahiran atau apa-apa taraf lain³³.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pula menyimpulkan hak asasi manusia sebagai hak asasi yang wujud pada diri setiap individu dan tanpa hak tersebut tiada siapa pun yang dapat hidup dengan bebas dan bermaruah³⁴. Usaha-usaha membina kesedaran dan memperteguhkan hak asasi manusia ini akan membantu melahirkan sebuah peradaban yang dihormati dan dibanggakan. Menurut Komisi Hak Asasi Manusia dan Kesempatan yang Sama 1986, hak asasi manusia merupakan satu konsep bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan sama dalam harga diri dan hak-haknya. Hak asasi manusia menjamin kebebasan untuk memutuskan pilihan secara bebas serta mengembangkan potensi setiap manusia. Hak-hak ini diimbangi oleh keperluan menjaga hak orang lain atau pertanggungjawaban³⁵.

Hak asasi manusia mestilah bersifat sejagat dan menyeluruh yang mencakupi hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Chandra Muzaffar berpandangan bahawa tindakan pihak tertentu mendefinisikan hanya hak politik dan sivil sahaja sebagai hak asasi manusia adalah bertentangan dengan konsep hak asasi yang sebenar. Kefahaman seperti ini adalah sesat dan sepatutnya hak ekonomi, budaya dan sosial juga mesti dihargai³⁶. Deklarasi Vienna 1993 telah memperjelaskan dengan tegas bahawa :

All human rights are universal, indivisible and interdependent and interrelated. The international community must treat human rights globally in a fair and equal manner, on the same footing, and with

the same emphasis. While the significance of national and regional particularities and various historical, cultural and religious backgrounds must be borne in mind, it is the duty of State, regardless of their political, economic and cultural systems, to promote and protect all human rights and fundamental freedoms³⁷.

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 yang mengandungi 30 fasil meliputi hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya telah memberikan gambaran asas tentang pengertian dan cakupan hak asasi manusia. Perisytiharan ini merumuskan asas hak asasi manusia dan kebebasan-kebebasan bagi semua lelaki, wanita dan kanak-kanak. Perisytiharan ini menjadi pencetus kepada kewujudan beberapa konvensyen dan terma (*covenants*) yang menjadi undang-undang dan garis panduan antarabangsa untuk menjaga dan menjamin hak asasi seluruh manusia. Perisytiharan 1948 juga turut menyarankan :

Perisytiharan Hak Asasi Manusia ini sebagai suatu ukuran bersama terhadap pencapaian oleh seluruh umat manusia dan ke semua negara dengan tujuan supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat, dengan sentiasa mengingati perisytiharan ini hendaklah berazam melalui pelajaran dan pendidikan bagi memelihara dan mengajukan sanjungan terhadap seluruh hak asasi dan kebebasan ini, dan secara berperingkat, dari negara hingga negara, bagi

menjamin pengiktirafan dan pematuhan sejagatnya yang berkesan. kedua-duanya di antara negara-negara anggota masing-masing dan rakyat wilayah-wilayah di bawah bidang kuasa mereka³⁸.

Umumnya, hak-hak asasi manusia boleh disimpulkan sebagai satu set tindakan yang menggambarkan bagaimana cara manusia menghadapi dan menanggapi manusia lain dengan cara penuh kemanusiaan tanpa mengira batas-batas geografi, politik, ideologi, darah keturunan, warna kulit dan status sosial. Hak asasi manusia ini mestilah mencakupi hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya yang mesti difahami dan dilaksanakan secara sejagat, tidak boleh dipisahkan, saling bergantungan dan saling berkaitan antara satu dengan yang lain.

Kajian ini akan menjadikan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 dan perisytiharan-perisytiharan PBB yang lain tentang hak asasi manusia yang dilihat secara universal, menyeluruh, tidak terpisah, saling berkaitan, sebagai asas kepada pengertian hak asasi manusia. Kajian ini juga akan mengkategorikan hak asasi manusia dalam lima kumpulan iaitu hak-hak sivil, hak-hak politik, hak-hak ekonomi, hak-hak sosial dan hak-hak budaya seperti mana yang dirumuskan oleh Persidangan PBB tentang Hak Asasi Manusia di Vienna pada 1993. Sebarang pendefinisan, konsep dan pengertian yang diperbincangkan di dalam kajian ini bersandarkan kepada kerangka ini.

1.6.2 Peradaban masa kini

Menurut Huntington, idea peradaban berkembang pada abad ke-18 sebagai satu konsep yang menongkah kehidupan barbarism. Masyarakat tanpa peradaban atau barbarism diwajahkan oleh keadaan yang primitif, tidak berubah dan masyarakat tanpa perbandaran, sedangkan ciri-ciri masyarakat kompleks, membangun, kehidupan bandar dan masyarakat dinamik pula dianggap sebagai berperadaban³⁹. Peradaban menurut pengertian Kamus Dewan adalah merujuk kepada keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan kepada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain); budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman); dan keadaan pemikiran (budaya dan moral yang halus)⁴⁰.

Satu perbahasan hangat dalam pengajian peradaban ialah tentang kedudukan sebenar peradaban hari ini. Sebahagian sarjana melihat bahawa peradaban masa kini merupakan satu peradaban sejagat yang dikuasai oleh pengaruh peradaban Barat. Manakala sebahagian sarjana yang lain melihat bahawa konsep multi peradaban atau peradaban pelbagai masih relevan pada hari ini. Huntington menjelaskan bahawa kewujudan perbezaan tanggapan terhadap konsep peradaban majmuk dan peradaban tunggal ini menjadi satu fenomena dalam pengajian peradaban hari ini⁴¹.

Menurut Huntington, istilah peradaban sejagat membawa makna masyarakat antarabangsa secara umumnya mempunyai persamaan dari aspek nilai, kepercayaan, orientasi, amalan dan institusi⁴². Huntington menyenaraikan dua ciri asas yang membolehkan peradaban dianggap sebagai sejagat. Pertama, peradaban sejagat pada asasnya berlaku kerana manusia di seluruh dunia telah berkongsi perasaan kemanusiaan termasuk nilai-nilai asas seperti menganggap jenayah sebagai sesuatu yang tidak baik dan menerima institusi asas seperti keluarga. Masyarakat antarabangsa juga mempunyai persamaan terhadap konsep moral seperti betul (*right*) dan salah (*wrong*). Kedua, peradaban sejagat mempunyai ciri-ciri persamaan dalam kemajuan perbandaran dan sistem peraturan hidup⁴³.

Namun dalam konteks peradaban hari ini, istilah peradaban sejagat mempunyai konotasi yang berbeza iaitu kesejagatan yang dialami atau dipaksa kepada masyarakat global oleh pengaruh peradaban Barat dan modenisasi. Barat adalah dirujuk kepada 'Western Christendom'. Pembaratan boleh dianggap sebagai 'Euroamericanizing' yang berasaskan peradaban Eropah-Amerika⁴⁴. Proses pensejagatan peradaban ini telah dilihat mempunyai persamaan dengan proses pembaratan atau 'Westernization'. Rahimah Abdul Aziz menambahkan bahawa pembaratan dan pemodenan merupakan dua konsep dan proses yang saling berhubung kait⁴⁵.

Black pula mengaitkan pembaratan sebagai satu kesan negara yang lebih maju terutama Barat ke atas negara yang kurang maju⁴⁶. Barat cuba mengenakan dominasi mereka ke atas penduduk bukan Barat atas alasan ia adalah tanggungjawab Barat dan akhirnya bukan sahaja pentadbiran dan pemerintahan yang dibaratkan, tetapi budaya, adat tempatan dan amalan tradisional turut musnah akibat proses pembaratan sehingga menjadikan seluruh dunia sebagai Barat Huntington menegaskan universalism atau pensejagatan ini merupakan satu projek Barat dalam konfrantasi dengan peradaban bukan Barat⁴⁷.

Pemodenan pula adalah satu proses perubahan sosial apabila masyarakat yang kurang membangun mendapatkan ciri-ciri yang lazim terdapat di kalangan masyarakat industri Barat yang lebih maju⁴⁸. Dalam konteks perhubungan antara peradaban, peradaban tradisi dianggap mempunyai ciri-ciri yang rendah (*inferior*) berbanding dengan peradaban moden Barat. Pemodenan dan pembaratan akhirnya telah mengubah hampir keseluruhan wajah peradaban lain kepada wajah peradaban Barat. Dalam satu keadaan yang lain, pendukung peradaban Barat secara sengaja menganggap peradaban bukan Barat sebagai rendah dan tidak membangun bahkan bukan peradaban⁴⁹. Bagi mereka, peradaban yang memiliki semua ciri peradaban yang sebenar dan sempurna adalah peradaban Barat, manakala peradaban lain hanyalah peradaban yang tidak lengkap. Anggapan-anggapan ini telah mempengaruhi pemikiran peradaban bukan Barat yang akhirnya telah menerima pembaratan sebagai satu cara menjadikan mereka masyarakat yang beradab.

Peradaban sejagat dalam maksud pembaratan ini adalah merujuk kepada andaian-andaian, nilai-nilai dan doktrin-doktrin semasa yang diamalkan oleh peradaban Barat dan kemudiannya menjadi ikutan peradaban-peradaban yang lain⁵⁰. Peradaban-peradaban bukan Barat telah menjadikan cara dan gaya Barat sebagai cara dan gaya mereka yang menatijahkan sebuah peradaban sejagat yang berasaskan peradaban Barat. Bagi mencapai tujuan mensejagatkan peradaban yang berasaskan Barat, seluruh dunia telah diresapkan dengan corak kepenggunaan Barat dan budaya popular melalui muzik, filem, pakaian, makanan, alat-alat komunikasi, berita, ketenteraan, ekonomi dan sebagainya. Bahasa dan agama pula digunakan sebagai alat untuk mengubah wajah dunia kepada peradaban Barat. Bahasa Inggeris yang menjadi bahasa Barat telah dianggap sebagai bahasa dunia dan Kristian sebagai agama Barat disebarluaskan kepada masyarakat bukan Barat.

Umumnya, dapat difahami bahawa peradaban sejagat adalah satu konsep yang cuba menjadikan peradaban Barat sebagai peradaban induk kepada seluruh peradaban lain. Apa sahaja yang dianggap sebagai nilai atau doktrin Barat diterima oleh peradaban lain sepenuhnya sehingga menjadikan Barat sebagai satu-satunya peradaban pada masa kini dan ia berpengaruh di seluruh dunia. Peradaban-peradaban yang lain tidak dianggap sebagai peradaban sebaliknya pengikut kepada peradaban Barat selaku peradaban sejagat.

Selain konsep peradaban sejagat, satu lagi konsep yang penting dalam peradaban hari ini ialah peradaban pelbagai atau multi peradaban. Walaupun terdapat ramai sarjana yang mendakwa bahawa peradaban masa kini telah bersifat sejagat di bawah pengaruh Barat, tetapi Huntington dalam kajiannya tentang pertembungan peradaban mendakwa peradaban masa kini masih bersifat pelbagai atau multi dan menjadikan ia sebagai asas kajiannya⁵¹. Multi peradaban membawa makna bahawa terdapat pelbagai peradaban yang wujud berdasarkan geografi, bangsa, kebudayaan, agama dan sebagainya yang saling berinteraksi antara satu sama lain.

Ramai sarjana telah menerima bahawa peradaban sebenarnya bersifat pelbagai berdasarkan kronologi sejarah. Para pengkaji yang menerima kepelbagaian peradaban mendakwa terdapat sekurang-kurangnya tujuh hingga 23 peradaban yang boleh dikategorikan sebagai peradaban utama dunia berdasarkan sejarah⁵². Huntington pula menyenaraikan lapan peradaban yang dianggap peradaban utama dunia hari ini iaitu China, Jepun, Hindu, Islam, Ortodoks, Barat, Amerika Latin dan Afrika⁵³.

Sejarah menjadi hujah utama tentang kewujudan multi peradaban ini di mana sepanjang sejarah dunia peradaban telah berkembang dan berinteraksi antara satu sama lain sehingga melahirkan satu peradaban baru yang lebih baik. Huntington mengkategorikan peradaban berdasarkan sejarah dalam beberapa kumpulan iaitu peradaban yang telah runtuh meliputi peradaban Mesopotamia, Mesir, Cretan, Byzantine, Amerika Tengah dan Andean; serta peradaban yang masih wujud pada

hari ini iaitu China, Jepun, India, Islam dan Barat di samping Ortodoks, Amerika Latin dan kemungkinan Afrika yang dianggap sebagai kelompok peradaban masa kini⁵⁴.

Huntington juga meletakkan faktor agama sebagai asas kepelbagaian peradaban⁵⁵. Agama adalah kayu ukur yang penting bagi mencirikan sesebuah peradaban. Dawson menegaskan bahawa agama yang besar akan menjadi asas kepada kemunculan sesebuah peradaban yang besar⁵⁶. Dalam peradaban masa kini terdapat lima agama yang dianggap agama dunia iaitu Kristian, Islam, Hindu, Confucius dan Buddha. Kaplan pula melihat Yahudi sebagai salah satu agama utama dunia yang turut menjadi induk kepada peradaban⁵⁷. Agama-agama ini telah menjadi agama kepada peradaban-peradaban utama dunia masa kini. Selain agama, Huntington juga melihat ketidakseragaman dunia yang difaktorkan oleh kepelbagaian ideologi hari ini seperti liberalisme, sosialisme, Marxisme, komunisme, fasisme, demokrasi dan sebagainya⁵⁸. Dalam konteks hubungan antarabangsa, kewujudan pelbagai blok politik, tentera dan ekonomi turut mempengaruhi kepelbagaian ini⁵⁹.

Walaupun peradaban wujud dalam bentuk yang pelbagai, namun semua peradaban yang wujud dalam sejarah kemanusiaan ini telah membentuk hubungan antara peradaban walaupun tidak menyeluruh. Pada peringkat awal, peradaban-peradaban ini tidak mempunyai hubungan, tetapi hubungan mulai wujud selepas tahun 1.500 Sebelum Masehi melalui kegiatan perdagangan. Pada abad ke-15,

semua peradaban telah mempunyai hubungan antara satu sama lain sama ada berbentuk perdagangan, agama, diplomatik, pendidikan dan sebagainya. Gerakan penjajahan Barat yang bermula pada abad ke-16 telah menjadikan hampir seluruh dunia tunduk kepada peradaban Barat sehingga kemunculan negara bangsa yang merdeka pada pertengah abad ke-20. Namun begitu faktor-faktor sejarah, ideologi, politik, teknologi, ekonomi dan sebagai telah menjadikan interaksi antara peradaban ini terus wujud pada hari ini dengan tidak melunturkan identiti asas setiap peradaban.

Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat sekumpulan sarjana yang melihat peradaban hari ini wujud dalam keadaan yang pelbagai. Namun multi peradaban ini tidak membantutkan interaksi antara peradaban tersebut. Penulisan ini mengadaptasikan konsep multi peradaban yang dikemukakan oleh Huntington sebagai rujukan kepada setiap perbincangan tentang makna peradaban masa kini. Pendekatan Huntington tentang kepelbagaian peradaban yang wujud pada hari ini dianggap sebagai satu penghuraian yang komprehensif bagi menjelaskan makna multi peradaban berbanding dengan beberapa andaian yang mengatakan bahawa peradaban masa kini bersifat sejagat dengan bersandarkan kepada peradaban Barat. Kajian ini menerima hujah Huntington bahawa peradaban masa kini sebenarnya masih bersifat pelbagai atau multi dan keseluruhan perbincangan adalah dirujuk kepada andaian bahawa peradaban adalah bersifat multi atau pelbagai.

Nota Hujung

- ¹ Huntington, Samuel P (1996) *The Clash of Civilization and the Remaking of World Order* New York: Simon and Schuster hal 192-198
- ² AP Cowie (1989) *Oxford Advanced Learner's Dictionary* London: Oxford University Press hal 608
- ³ Ervand Abrahamian (1987) Ali Shari'ati Ahli Teori Revolusi Iran, dalam Ahmad Shabery Cheek (edit), *Warisan Shari'ati* Petaling Jaya: Ikraq hal 15
- ⁴ Ali Syar'iati (1984) *Mustadhi'at Golongan Yang Tertundas* Kuala Lumpur: Penerbitan al-Qalam hal 28-32
- ⁵ Suroosh Irfani (1987) Ali Shari'ati Dan Arus Kesedaran Baru, dalam *Warisan Shari'ati*, hal 35 Lihat juga Ali Syar'iati (1984), hal 13 yang menggambarkan tafsiran kebendaan sebagai malapetaka
- ⁶ Peradaban tradisi dilihat sebagai perdaban yang merujuk kepada sebuah peradaban yang berlandaskan kehidupan tradisi kerohanian Kehidupan tradisi kerohanian di dalam sebuah tradisi merujuk segala bentuk hubungan transenden terjalin antara para anggota tradisi itu dengan tuhan dan juga seluruh manifestasi hubungan itu dalam kehidupan masyarakat Penjelasan lanjut lihat Osman Bakar et al (1992) *Sains, Teknologi, Kesenian dan Agama: Perspektif Pelbagai Agama* Kuala Lumpur: Penerbit UTM dalam bahagian Osman Bakar, Tradisi Kerohanian Sebagai Asas Kelahiran dan Kemajuan Sains dan Teknologi, hal 15
- ⁷ Ibn Khaldun, (1995) *Mugaddimah* Kuala Lumpur: DBP hal 88-106 dan 138-168 Lihat juga Sirojuddin Aly, (1996) Pemikiran Ibn Khaldun Tentang Peranan Agama Dalam Negara, dalam Kamaruddin Salleh dan Ahmad Sunawan Long (edit) *Pemikiran Ibn Khaldun*. Bangi: Jabatan Usuluddin, UKM hal 62-63
- ⁸ *Al-Quran*, Surah ar-Rum ayat 4
- ⁹ Peristiwa Hak Asasi Manusia Sejagat telah dibuat pada 10 Disember 1948 oleh sesi ketiga UN General Assembly yang membincangkan isu hak asasi manusia
- ¹⁰ Abul A'la Al-Maududi (1983) *Human Rights in Islam* Leicester: Islamic Foundation
- ¹¹ Al-Maududi (2000) *Hak-hak bukan Islam dalam Negara Islam* terjemahan Mohamed dan Mohd Khairuddin Aman Razali, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd
- ¹² Md Akhir Hj Yaacob, (1985) *Hak Asasi Manusia Menurut Islam Satu Pendekatan Perbandingan* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- ¹³ Orwin, Clifford Et al (1984) The Philosophical Foundation of Human Rights, dalam Marc F Plattner (edit), *Human Rights in Our Times* Boulder: Colorado: Westview Press
- ¹⁴ A Rahman I Dor (1992) *Orang Bukan Islam Di Bawah Undang-undang Syariah* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ¹⁵ Chandra Muzaffar (1990) Etniksiti, Konflik Etnik dan Hak Asasi Manusia, dalam Claude E Welch Jr dan Virginia A Leary (edit) *Asian Perspectives on Human Rights*, San Francisco: Oxford: Westview Press
- ¹⁶ Chandra Muzaffar (1995a) *Hak Asasi Manusia Dalam Tata Dunia Baru Menggugat Dominasi Global Barat* Bandung: Penerbit Mizan
- ¹⁷ Szabo, Imre (1982) Historical Foundation of Human Rights and Subsequent Developments, dalam Vasak, Karel (edit), *The International Dimensions of Human Rights* edisi English terjemahan Philip Alston, Volume 1 Paris: Unesco
- ¹⁸ Szabo, Imre (1974) *Cultural Rights* Budapest: Akademiai Kiado
- ¹⁹ Paul, Ellen Frankel, Miller, Jr Fred D dan Paul Jeffrey (1992) *Economic Rights* London: Cambridge University Press
- ²⁰ Chandra Muzaffar *Op cit*
- ²¹ Shulsky, Abram N (1984) Human Rights and the International State System, dalam Marc F Plattner (edit), *Human Rights in Our Times*
- ²² Newman, Frank C et al (1982) Civil and Political Rights, dalam Vasak, Karel (edit), *The International Dimensions of Human Rights*
- ²³ Kartashkin, Vladimir (1982) Economic, Social and Cultural Rights, dalam Vasak, Karel (edit), *The International Dimensions of Human Rights*
- ²⁴ Saleh, Mohsen M (2001) *Isu Palestin: Latar belakang dan kronologi perkembangannya sehingga tahun 2000* Kuala Lumpur: Fajar Ullung
- ²⁵ United Nations (1973) *The United Nations and Human Rights* New York: UN
- ²⁶ United Nations (1978) *The United Nations and Human Rights* New York: UN
- ²⁷ United Nations (1995) *The United Nations at 50: Note for Speaker* New York: UN
- ²⁸ Chandra Muzaffar (1991) *Apa Makna Amnesty Internasional Bagi Saya* Yokohama: Amnesty Internasional Jepun
- ²⁹ Chandra Muzaffar (1995b) High Commissioner for Human Rights dalam *Jurnal Pemikir*, bil 1 Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd
- ³⁰ Jean-Jacques Rousseau (1992) *Darihal Perjanjian Sosial*, tejih Puteri Rashidah Mgt Ramli, Kuala Lumpur: DBP hal 5
- ³¹ Hamidullah (1969) *al-Wathiq al-Sivasiyah* Beirut: Darul Irsyad hal 307

-
- ¹² AP Cowie (1989) *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. hal 608.
- ¹³ *Peristiwaran Hak Asasi Manusia Sejagat 1948*. bahagian mukaddimah. artikel 1 dan artikel 2
- ¹⁴ Suhakam (2000) *Buku Cenderamata Majlis Pelancaran dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Mencipta Logo Suhakam*. muka depan
- ¹⁵ Komisi Hak Asasi Manusia dan Persamaan Kesempatan (2002) diakses pada 13 Ogos 2002 http://www.hreoc.gov.au/other_languages/commission_brochure/indonesian.pdf
- ¹⁶ Chandra Muzaffar (1995a). hal 31
- ¹⁷ Lihat *Deklarasi Vienna 1993* pada perenggan 5. bahagian I
- ¹⁸ *Peristiwaran Hak Asasi Manusia Sejagat 1948*. bahagian mukaddimah
- ¹⁹ Huntington. *Op cit.* hal 40-41
- ²⁰ Kamus Dewan. ed ketiga. (1994) Kuala Lumpur DBP hal 428
- ²¹ Huntington. *Op cit.* hal 40-41
- ²² *Ibid.* hal 56
- ²³ *Ibid.* hal 56-57
- ²⁴ *Ibid.* hal 46-47
- ²⁵ Rahimah Abdul Aziz (1997) Transformasi Erti Pemodenan dan Pembangunan. dalam *Jurnal Pemikir*. bil 9 Kuala Lumpur Utusan Melayu Sdn Bhd. hal 34
- ²⁶ Black, C F (1975) *The Dynamic of Modernization A Study in Comparative History* Harper and Row New York. hal 6
- ²⁷ Huntington. *Op cit.* hal 66
- ²⁸ Rahimah Abdul Aziz. hal 42
- ²⁹ Harris, M (1968).*Anthropological Theory* USA. Columbia University. hal 134-135
- ³⁰ Huntington. *Op cit.* hal 57
- ³¹ *Ibid.* hal 41
- ³² *Ibid.* hal 44
- ³³ *Ibid.* hal 45-47
- ³⁴ *Ibid* hal 45
- ³⁵ *Ibid.* hal 47
- ³⁶ Dawson Christopher (1978) *Dynamic of World History* LaSalle Sherwood Sugden Co. hal 128
- ³⁷ Kaplan Mordecai (1981) *Judaism as a Civilization* Philadelphia Reconstructionist Press hal 173-208
- ³⁸ Huntington. *Op cit.* hal 53
- ³⁹ Fadzil Mohd Noor (1997) *Bersiap Menghadapi Cahaya*. Ucapan Dasar Presiden PAS. Kuala Lumpur: PAS. hal 38-39